

**TERMINOLOGI STANDARD BAGI PROGRAM JOINT DEGREE (JD)  
DAN DOUBLE DEGREE (DD)**

- Malaysian Qualifications Framework (MQF)
- Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA)  
Area 2: Curriculum Design and Delivery
- Guidelines to Good Practices: Curriculum Design and Delivery (GGP: CDD)

**TUJUAN**

Advisory note ini disediakan untuk memberi penjelasan tentang amalan penawaran dan penggunaan terminologi standard bagi program 'double degree' dan 'joint degree'<sup>1</sup> yang ditawarkan oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam dan luar negara sebagai rujukan kepada PPT yang berhasrat untuk menawarkan program sedemikian.

**TERMINOLOGI**

Maklumat yang disertakan dalam Advisory Note ini adalah berpandukan laporan 'Joint and Double Degree Programs in the Global Context: Report on an International Survey' yang dikeluarkan oleh Institute of International Education dan 'Guidelines for Building International Joint Diploma Program including Double and Joint Degree Programs' yang dibangunkan oleh Central Council for Education Working Group on the Internationalization of Universities, Japan yang membawa kepada maksud seperti berikut:

**Joint Degree**

Program kerjasama yang mana kurikulum dibangunkan bersama dengan rakan kerjasama (dua rakan kerjasama atau lebih) Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Pelajar yang mengikuti program ini akan mengikuti pengajian di institusi yang terlibat (dua IPT atau lebih). Di akhir pengajian, pelajar yang tamat akan dianugerahkan dengan satu sijil kelayakan yang akan tertera logo dan ditandatangani oleh semua IPT yang terlibat dalam kerjasama tersebut.

**Double Degree**

Program kerjasama yang ditawarkan oleh dua (atau lebih) PPT yang masing-masing menerima dan mengiktiraf program yang terlibat bagi tujuan pemindahan kredit. Pelajar yang mengikuti program ini akan mengikuti pengajian di institusi yang terlibat (dua PPT atau lebih). Di akhir pengajian, pelajar yang tamat akan dianugerahkan dua skrol kelayakan secara berasingan oleh IPT yang terlibat dalam program kerjasama ini.

---

<sup>1</sup> Bagi tujuan kertas ini, 'double degree' dan 'dual degree' membawa maksud yang sama. Oleh itu, bagi mengelakkan kekeliruan, kertas ini akan merujuk kepada 'double degree'. Manakala bagi program 'joint degree' ianya membawa maksud yang sama dengan 'joint award'. Oleh itu, bagi mengekalkan penggunaan satu istilah dan mengelakkan kekeliruan, maka kertas ini akan menggunakan istilah 'joint degree'.

## AMALAN IPT DALAM PENAWARAN PROGRAM JD DAN DD

Selain daripada terminologi yang diambil berdasarkan laporan dan garis panduan yang dinyatakan di atas, disertakan juga beberapa contoh terminologi lain yang menjadi amalan semasa PPT dalam dan luar negara. Antaranya ialah:

BIL.	PPT & NEGARA	TERMINOLOGI PROGRAM JD	TERMINOLOGI PROGRAM DD
1.	National University of Singapore (NUS), Singapore	<p>Program JD akan dibangunkan oleh NUS dan rakan IPT kerjasama.</p> <p>Pelajar akan mengikuti satu program dan kelayakan akademik akan dianugerahkan bersama oleh NUS dan rakan IPT kerjasama.</p> <p>Nama kedua-dua IPT yang terlibat akan tertera pada skrol.</p>	<p>Program DD melayakkan pelajar yang mengikutinya dianugerahkan dengan dua kelayakan akademik yang berbeza daripada NUS dan IPT rakan kerjasama.</p> <p>NUS dan IPT rakan kerjasama masing-masing akan mengiktiraf dan menerima kurikulum program-program yang terlibat bagi keperluan pindah kredit dan membolehkan pelajar menamatkan pengajian dalam dua program dengan lebih cepat dan dianugerahkan dengan dua kelayakan yang berbeza.</p>
2.	Auckland University of Technology (AUT), New Zealand	-	<p>Pelajar akan mengikuti dua program secara berasingan pada masa yang sama dan akan dianugerahkan dengan dua kelayakan yang berbeza daripada AUT dan IPT rakan kerjasama.</p> <p>AUT dan IPT rakan kerjasama akan saling menerima dan mengiktiraf keperluan program-program yang terlibat bagi tujuan pindah kredit yang membolehkan pelajar tamat kedua-dua program dalam masa yang lebih pendek daripada tempoh asal kedua-dua program.</p>

BIL.	PPT & NEGARA	TERMINOLOGI PROGRAM JD	TERMINOLOGI PROGRAM DD
3.	Monash University, Australia	<p>Monash University dan IPT rakan kerjasama akan bersama-sama membangunkan satu program akademik.</p> <p>Pelajar yang mengikuti program ini akan dianugerahkan dengan satu kelayakan akademik.</p> <p>Nama Monash University dan IPT rakan kerjasama yang terlibat akan tertera pada skrol.</p>	<p>Monash University dan IPT rakan kerjasama menawarkan program akademik masing-masing dan saling mengiktiraf bagi tujuan pemindahan kredit.</p> <p>Pelajar akan mengikuti kedua-dua program tersebut dan akan dianugerahkan dengan dua kelayakan akademik yang berbeza daripada Monash University dan IPT rakan kerjasama.</p>
4.	<p>Universiti Putra Malaysia (UPM), Malaysia</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bidang Sains Bio-Medik dan Sains veterinar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melalui <i>Joint Awarded Research Degree (JARD)</i>, UPM dan rakan kerjasama iaitu University of Newcastle akan bersama-sama menganugerahkan satu Ijazah Kedoktoran yang pada skrol akan tertera nama UPM dan University of Newcastle.</li> <li>• Pelajar akan diberi pendedahan dan peluang untuk mempelajari aspek akademik dan budaya kajian daripada kedua-dua universiti.</li> <li>• Program ini ditawarkan selama 4 tahun dan pelajar dikehendaki berada di universiti-universiti terbabit dengan tempoh minimum selama 12 bulan.</li> <li>• Bidang yang terlibat dalam program JRD ini adalah Pendidikan,</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• UPM-University of Glasgow (OuG) <i>Double Degree Postgraduate Master Degree Programme</i> ialah dalam bidang Sains Bio-Medik dan Sains Veterinar.</li> <li>• UPM dan rakan kerjasama iaitu University of Glasgow, Scotland, UK menawarkan program akademik masing-masing dan saling mengiktiraf bagi tujuan pemindahan kredit.</li> <li>• Pelajar akan dianugerahkan dengan kelayakan dua penganugerahan ijazah masing-masing daripada UPM dan OuG.</li> <li>• Program ini melibatkan 3 komponen iaitu: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Komponen kurikulum – 60 kredit yang akan diikuti pada Sem 1 dan 2 di OUG;</li> <li>- Project 1 – 60 kredit yang akan diikuti pada Sem 1 dan 2 di OUG;</li> </ul> </li> </ul>

BIL.	PPT & NEGARA	TERMINOLOGI PROGRAM JD	TERMINOLOGI PROGRAM DD
		Kejuruteraan, Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Sains Perubatan dan Kesihatan, Sains Matematik dan Psikologi.	dan - Project 2 - 60 kredit yang akan diikuti pada Sem 3 di UPM.
5.	Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia		<ul style="list-style-type: none"> <li>• UTM dan University of Burgundy (UB), France bekerjasama melalui program <i>Double Master Degree Program</i>. Pelajar diberi peluang untuk mengikuti pengajian di UTM dan juga UB yang membawa kepada dua penganugerahan kelayakan ijazah sarjana daripada kedua-dua IPT terbabit.</li> <li>• Pelajar yang mengikuti program ini akan mendaftar sebagai pelajar sepenuh masa di kedua-dua buah universiti dengan tempoh pengajian antara 4 semester dan 6 semester.</li> <li>• Pelajar akan dianugerahkan dengan <i>Master of Engineering (Electrical – Mechatronic and Automation Control)</i> daripada UTM dan <i>Master of Science in Computer Vision</i> daripada UB.</li> </ul>
6.	Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK), Malaysia		<ul style="list-style-type: none"> <li>• UNIRAZAK dan The University of Waikato bekerjasama menawarkan program masing-masing melalui program '<i>dual degree</i>' yang akan membawa kepada dua penganugerahan</li> </ul>

BIL.	PPT & NEGARA	TERMINOLOGI PROGRAM JD	TERMINOLOGI PROGRAM DD
			<p>kelayakan ijazah sarjana muda daripada kedua-dua IPT ini.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tempoh pengajian program adalah 4 tahun iaitu 3 tahun di UNIRAZAK dan 1 tahun di The University of Waikato.</li> <li>• Walau bagaimanapun, pelajar hanya layak untuk mengikuti program di The University of Waikato setelah melengkapkan Tahun 1 dan 2 di UNIRAZAK dengan minimum CGPA 3.0 ke atas.</li> <li>• Pelajar akan dianugerahkan <i>Bachelor of Business Analysis (Financial)</i> daripada The University of Waikato dan <i>Bachelor in Accounting</i> daripada UNIRAZAK.</li> </ul>
7.	Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Malaysia		<ul style="list-style-type: none"> <li>• UTAR menawarkan program '<i>double degree</i>' kerjasama antara fakulti-fakulti di UTAR.</li> <li>• Konsep penawaran program '<i>double degree</i>' masih sama iaitu pelajar yang mengikutinya akan dianugerahkan dengan dua kelayakan ijazah sarjana muda.</li> <li>• UTAR hanya membenarkan pelajar dengan minimum CGPA 3.0 pada tahun pertama program untuk mendaftar ke dalam program ijazah yang kedua.</li> <li>• Tempoh minimum penawaran program adalah 4 tahun dengan</li> </ul>

BIL.	PPT & NEGARA	TERMINOLOGI PROGRAM JD	TERMINOLOGI PROGRAM DD
			<p>jumlah kredit minimum sebanyak 174 kredit.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Program yang ditawarkan secara 'double degree' adalah: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Bachelor of Science (Hons) Construction Management / Bachelor of Business Administration (Hons) Entrepreneurship (195 kredit/5tahun);</li> <li>○ Bachelor of business Administration (Hons) / Bachelor of Social Science (Hons) Psychology (187 kredit/5 tahun); dan</li> <li>○ Bachelor of Communication (Hons) Public Relations / Bachelor of Business Administration (Hons) Entrepreneurship (187kredit/5 tahun).</li> </ul> </li> </ul>

## KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan daripada amalan IPT berkenaan terminologi program JD dan DD, maka dapat dirumuskan terminologi standard yang boleh diguna pakai oleh IPT di Malaysia adalah seperti berikut:

### Program JD

Satu program yang dibangunkan oleh dua (atau lebih) IPT yang akan membawa kepada satu kelayakan akademik yang mana pada skrol kelayakan akan menyatakan nama IPT-IPT yang terlibat dalam pembangunan program tersebut.

### Program DD

Program kerjasama antara dua IPT yang mana masing-masing akan menerima dan mengiktiraf kurikulum program yang terlibat bagi tujuan pemindahan kredit. Pelajar akan mengikuti dua program akademik pada tahap yang sama dan akan dianugerahkan dengan dua kelayakan akademik daripada dua IPT yang terlibat.